Asian Journal of Research in Education and Social Sciences
e-ISSN: 2682-8502 | Vol. 7, No. 1, 24-32, 2025
https://asianscholarsnetwork.com/asnet-journals

Hadith Kelebihan Gaharu India dari Konteks Kesihatan
(Hadith on the Benefits of Indian Agarwood from a Health Context)

Mohd Nor Adli Osman[1*], Muhamad Aidil Zali[1]

[1] Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusian, Universiti Sains Malaysia, Malaysia

* Pengarang Koresponden: adliosman@usm.my

Received: 17 December 2024 | Accepted: 19 January 2025 | Published: 15 February 2025

DOI: https://doi.org/10.55057/ajress.2025.7.1.3

Abstrak: *Kayu gaharu India merupakan tumbuhan bernilai tinggi yang disebut dalam hadith Nabi SAW kerana memiliki pelbagai khasiat untuk kesihatan manusia. Tumbuhan ini, yang tumbuh di kawasan utara India, Himalaya, dan Pakistan, kini terancam kepupusan akibat aktiviti manusia seperti penebangan hutan secara berlebihan. Kajian ini bertujuan untuk menganalisa keberkesanan dan kelebihan kayu gaharu India berdasarkan hadith yang diriwayatkan, serta mengkaji sejarah pengunaannya dalam perubatan tradisional. Pendekatan penyelidikan kualitatif diaplikasikan melalui analisis dokumen-dokumen yang relevan, manakala data dianalisis menggunakan kaedah induktif dan deduktif. Hasil kajian menunjukkan bahawa kayu gaharu India memiliki keberkesanan dalam merawat pelbagai penyakit seperti masalah pernafasan, gangguan kulit, dan radang. Bahagian akarnya dikenal pasti sebagai kompenan utama yang mempunyai pelbagai manfaat dalam perubatan tradisional, termasuk sifat antiseptik dan penyembuhan luka. Penemuan ini mengesahkan kebenaran hadith Nabi SAW yang menyebut tentang kelebihan kayu gaharu India, di samping memperkayakan pemahaman mengenai penggunaan tumbuhan ini dalam perubatan tradisional. Kajian ini memberikan sumbangan penting dari segi pengesahan saintifik terhadap amalan perubatan tradisional serta menekankan kepentingan pemuliharaan spesis ini untuk generasi akan datang. Penemuan ini bukan sahaja mengukuhkan kebenaran hadith tetapi juga membuka peluang untuk kajian lanjut mengenai potensi terapeutik kayu gaharu India dalam perubatan moden.*

Kata Kunci: Kayu Gaharu India, Kelebihan, Hadith, Tradisional, Saintifik

Abstract: *Indian agarwood is a highly valued plant mentioned in the hadith of the Prophet (peace be upon him) because it has various health benefits for humans. This plant, which grows in the northern regions of India, the Himalayas, and Pakistan, is now threatened with extinction due to human activities such as excessive deforestation. This study aims to analyze the effectiveness and advantages of Indian agarwood based on the narrated hadith, as well as to examine its historical use in traditional medicine. The qualitative research approach was applied through the analysis of relevant documents, while the data were analyzed using inductive and deductive methods. The study results show that Indian agarwood is effective in treating various diseases such as respiratory issues, skin disorders, and inflammation. The root part is identified as the main component that has various benefits in traditional medicine, including antiseptic and wound healing properties. This discovery confirms the truth of the hadith of the Prophet SAW that mentions the advantages of Indian agarwood, while enriching the understanding of the use of this plant in traditional medicine. This study makes an important contribution in terms of scientific validation of traditional medical practices and emphasizes the importance of conserving this species for future generations. This discovery*

Copyright © 2025 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

not only reinforces the truth of the hadith but also opens up opportunities for further research on the therapeutic potential of Indian agarwood in modern medicine.

Keywords: Indian Agarwood, Advantages, Hadith, Traditional, Scientific

---

1. Pengenalan

Islam merupakan agama yang merangkumi keseluruhan ekosistem kehidupan manusia bermula dari sekecil-kecil perkara sehinggalah kepada perkara yang besar seperti hal melibatkan urusan pentadbiran negara. Kesemua perkara tersebut terangkum dengan lengkap di dalam Al-Quran dan juga hadith. Oleh yang demikian, telah menjadi kesepakatan para ulama *mutaqaddimin* dan *muta`akhirin* menjadikan Al-Quran dan juga hadith sebagai sumber rujukan utama sehingga ke hari kiamat. Di antara urusan kehidupan yang menjadi keutamaan adalah penjagaan kesihatan.

Tidak dapat dinafikan bahawa penjagaan kesihatan merupakan elemen yang sangat penting untuk dijaga supaya badan manusia dapat melakukan segala aktiviti harian dan tanggungjawab sebagai hamba Allah SWT dengan penuh ketaatan. Justeru, Dr. Mahmud Nazim Al-Nasimy di dalam kitabnya *Al-Tibb Al-Nabawi wa Al-`Ilm Al-Hadith* mengakui tentang kepentingan hal tersebut dan kewajipan untuk menjadi kesihatan dengan sebaiknya kerana ia adalah nikmat yang paling besar selepas nikmat Iman yang kurniakan kepada hamba Allah SWT (Mahmud Nazim, 1996). Walaupun kesihatan merupakan satu elemen yang terpenting pada diri manusia, terdapat juga sebahagian manusia yang memandang ringan terhadap nikmat kesihatan yang dikurniakan itu. Jika melihat dalam periwayatan hadith, nikmat kesihatan merupakan salah satu perkara yang ditekankan oleh Nabi SAW;

Daripada Ibn `Abbas telah berkata; Nabi SAW telah bersabda:"dua nikmat yang menjadikan manusia tertipu; iaitu nikmat kesihatan dan waktu yang lapang"

(*Sahih al-Bukhari*)

Berdasarkan hadith ini, terdapat satu peringatan penting daripada Nabi SAW kepada umatnya agar sentiasa menghargai nikmat kesihatan yang dianugerahkan oleh Allah SWT serta memanfaatkan kelapangan waktu yang diberikan. Peringatan ini amat relevan kerana ia mengingatkan umat Islam tentang kepentingan menjaga kesihatan untuk mengelakkan diri daripada pelbagai jenis penyakit yang memerlukan rawatan. Selain itu, keadaan kesihatan yang terjaga secara tidak langsung mempengaruhi kemampuan seseorang dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang hamba kepada Allah SWT dengan lebih sempurna. Di dalam *Al-Tibb Al-Nabawi* (Ibn Qayyim Al-Jauziyyah, 2011), Ibn Qayyim Al-Jauziyyah membahagikan penyakit kepada dua bahagian utama iaitu penyakit yang bersangkutan dengan hati dan penyakit yang bersangkutan dengan badan.

Sekiranya wujudnya perasaan syak wasangka ataupun keraguan terhadap risalah tauhid yang disampaikan maka itu merupakan petanda bahawa penyakit hati telah mula bersarang di dalam hati. Oleh yang demikian, ubat yang paling mujarab untuk menangani penyakit ini dari terus merebak adalah dengan kaedah mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Penyakit yang bersangkutan dengan badan adalah segala penyakit yang dihadapi pada fizikal tubuh badan seseorang. Bagi mengubat penyakit ini, banyak periwayatan daripada Nabi SAW telah menujukkan pelbagai kaedah yang sesuai untuk diambil manfaatnya daripada tumbuh-

Copyright © 2025 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

tumbuhan sekitar yang berpontensi tinggi untuk menyembuhkan penyakit. Oleh yang demikian, jika melihat periwayatan yang bersangkutan dengan perubatan secara lebih holistik ianya telah memberi gambaran bahawa kemajuan perubatan yang berasaskan kepada tumbuh-tumbuhan telah bermula sejak zaman awal Islam lagi (Abdul Halim et al., 2021).

Bermula daripada pengakuan Nabi SAW yang menjelaskan terdapat beberapa jenis tumbuhan yang berpontensi untuk merawat penyakit, maka kajian demi kajian sesuai dengan peredaran kemajuan teknologi mengkaji keberkesanan tumbuh-tumbuhan tersebut bagi tujuan pengubatan dan seterusnya turut menyumbang ke arah komersial produk yang berasaskan kepada tumbuh-tumbuhan. Sehingga kini, di seluruh dunia hampir 50,000 spesis tumbuhan telah melalui kajian yang mendalam untuk tujuan perubatan (Rusni & Thuraya, 2021). Salah satunya adalah gaharu India atau disebut juga *saussurea costus.*

Nabi SAW secara jelas telah mengakui beberapa kelebihan yang terdapat pada gaharu India yang berupaya mengubati sehingga tujuh jenis penyakit:

Daripada Ummu Qais binti Mihṣan dia berkata: (Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Hendaklah kamu menggunakan kayu india (gaharu), sesungguhnya di dalamnya terdapat tujuh macam ubat penyembuh, dengan cara dihirup melalui hidung kerana penyakit di hujung halkum (saluran pada leher tempat makanan lalu dari mulut hingga ke dalam perut) dan dimasukkan dalam sisi sebelah mulut kerana radang selaput paru-paru).

(Sahih Al-Bukhari)

Berdasarkan kepada kaedah rawatan yang dinyatakan pada hadith ini, penyakit yang berpunca dari dalam badan seseorang sangat sesuai mempraktikkan kayu gaharu India sebagai kaedah alternatif dalam rawatan tersebut. Namun begitu, terdapat beberapa golongan yang telah mempertikaikan keabsahan *matan* hadith ini seperti yang telah dinyatakan oleh Jawad Ifanah yang merupakan salah seorang tokoh di dalam Syiah. Menurut beliau, Nabi SAW bukanlah seorang individu yang beroutoriti memberi kaedah pengubatan sesuatu penyakit kerana tugas Nabi SAW adalah hanya menyampaikan risalah agama sahaja (Jawad Ifanah, 2007). Namun begitu, kenyataan tersebut telah disangkal oleh beberapa tokoh agama seperti Dr. Abd Razzak Kailani dan tokoh perubatan Islam seperti Dr. Kamal Mowil menerusi kajian mereka dari sudut sains perubatan yang membuktikan kebenaran hadith di atas.

2. Perubatan Pada Hadith

Kelebihan beberapa produk kesihatan yang bersumberkan kepada hadith Nabi SAW telah disabdakan oleh Nabi SAW di dalam banyak riwayatnya. Ibn Qayyim Al-Jauziyyah (2011) berpandangan bahawa perubatan yang bersumberkan kepada hadith Nabi SAW adalah tidak sama dengan perubatan yang tidak bersumberkan kepada hadith Nabi kerana sudah tentu apa yang disebutkan oleh Nabi SAW itu berdasarkan kepada wahyu dari Allah SWT. Oleh yang demikian, kaedah perubatan atau dikenali sebagai ilmu farmakologi terdapat dua bahagian utama iaitu perubatan melalui cara moden dan perubatan melalui kaedah tradisional. Umumnya perubatan melalui kaedah moden adalah berasaskan kepada kajian yang dilakukan oleh beberapa kumpulan pakar berasaskan kepapada penemuan saintifik, teknologi terkini, dan pendekatan sistematik dalam diagnosis, rawatan, dan pencegahan penyakit. Adapun perubatan melalui kaedah tradisional adalah perubatan alternatif yang mengunakan ubatan daripada herba (Abdul Halim et al., 2021).

Copyright © 2025 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

Namun begitu, tujuan sesuatu hadith yang berkonsepkan kepada perubatan ini kebanyakkannya adalah untuk menganjurkan untuk memelihara atau menjaga kesihatan yang telah dimiliki seseorang (Abd Halim et al., 2021). Termasuk di dalam kerangka ini adalah hadith berkenaan kelebihan kayu gaharu India. Jika dilihat hadith ini secara lebih holistik, dapat diketahui bahawa anjuran Nabi SAW untuk berubat mengunakan kayu gaharu India adalah untuk menjaga kesihatan seseorang.

Melalui pemahaman yang terdapat di dalam hadith berkaitan dengan perubatan, ianya tidak hanya terbatas dalam konteks merawat penyatakit semata-mata, tetapi turut menekankan kepada penjagaan kesihatan secara berterusan (Abd Halim et al., 2021). Kayu gaharu India merupakan salah satu contoh yang perlu diberikan perhatian di dalam tradisi Islam disebabkan mempuyai manfaat yang banyak dalam penggunaannya. Walaupun teknologi perubatan moden terus berkembang, penggunaan gaharu dan bahan alami lain kekal relevan sebagai pendekatan tambahan yang selaras dengan sunnah Rasulullah SAW. Gabungan sunnah dan penemuan saintifik ini menunjukkan keistimewaan gaharu sebagai bahan yang berguna dalam penjagaan kesihatan.

Walau bagaimanapun, dalam konteks hadith ini perlu dilihat dari semua sudut terutama pada sudut *asbab al-wurud* sesebuah hadith. Dengan memahami *asbab al-wurud* secara tidak langsung, kefahaman berkenaan kayu gaharu pada hadith dalam kajian ini dapat diketahui konten dan konteks pengucapan oleh Nabi SAW.

Asbab al-Wurud

Kayu gaharu India atau di dalam periwayatan hadith ianya disebut dengan nama *Al-`ud Al-Hindi* dan disebut juga dengan perkataan *al-Qust*. Selain riwayat yang telah dinyatakan di atas, hadith tentang kelebihan kayu gaharu India juga telah disebut di dalam beberapa riwayat lain seperti di dalam *Sahih Muslim, Musnad Ahmad, Musnad Ibn Majah, Sunan Al-Kubra Al-Nasa`ie* dan beberapa riwayat lain yang mengisahkan tentang kelebihan kayu gaharu India seperti mana riwayat di dalam *Sahih Al-Bukhari* seperti yang telah dinyatakan di atas.

Dalam hadith yang diriwayatkan oleh Ummu Qais, Nabi SAW menjelaskan bahawa kayu gaharu India mengandungi tujuh jenis penawar untuk pelbagai penyakit:

Dari Umm Qais binti Mihshan – beliau tergolong dalam kalangan yang awal berhijrah yang berbai`at dengan Nabi SAW – dan beliau adalah saurdara kepada `Ukasyah bin Mihshan, yang merupakan salah seorang dalam kalangan Bani Asad ibn Khuzaimah – telah berkata, beliau telah mengkhabarkan kepada aku bahawanya beliau telah datang menemui Rasulullah SAW bersama anaknya yang tidak mencapai usia untuk memakan makanan, dan beliau telah menekan leher anaknya disebabkan anaknya sakit tekak, Yunus telah berkata: "dia menekan leher anak itu disebabkan khuatir anaknya terkena sakit tekak" Umm Qais berkata: Rasulullah SAW telah bersabda: "mengapakah engkau menekan leher anak kamu dengan cara tersebut? gunakanlah kayu gaharu India ini - iaitu al-Qust – kerana padanya terdapat tujuh penawar antaranya selaput paru-paru"

(*Sahih Muslim*)

Pada hadith ini, Nabi SAW telah menyarankan kepada Umm Qais untuk mengunakan kayu gaharu India sebagai kaedah rawatan sakit tekak yang dihadapi oleh anaknya kerana ia mampu untuk menyembuhkan pelbagai jenis penyakit antaranya adalah selaput paru-paru. Menurut pandangan Imam Nawawi, kebiasaanya apabila darah keluar dari hidung pada anak kecil para

Copyright © 2025 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

wanita akan memintal kain untuk dimasukkan ke dalam hidung anaknya itu supaya dapat memberhentikan darah tersebut (Muslim, 1997).

Penawar yang berikan oleh Nabi SAW adalah bersesuian dengan sakit yang dihadapi oleh kanak-kanak tersebut disebabkan pada kayu gaharu India terdapat enzim (C.Abicans) yang menimpa sistem pernafasan manusia iaitu dengan melakukan meditasi sambil menikmati keharumannya. Maka secara tidak langsung ianya dapat menyembuhkan kesakitan yang terdapat pada tekak tersebut.

Ibn Qayyim Al-Jauziyyah (2011) kayu gaharu India terbahagi kepada dua iaitu *Al-Qust* yang disebut dalam istilah saintifik adalah *saussurea costus* dan yang kedua adalah *Al-Aluwwah* yang disebut dalam saintifik *aquillaria malaccensis* (pokok gaharu). Adapun kelebihan yang terdapat pada hadith di atas adalah pada *Al-Qust* inilah menurut pandangan Ibn Qayyim Al-Jauziyyah.

Sekiranya diamati dengan penuh teliti hadith-hadith yang berkaitan dengan perubatan ini, Nabi SAW akan memberikan penawar kepada sesuatu penyakit yang sesuai dengan penyakit yang dihadapi oleh seseorang. Maka seiring dengan itu juga, ketika Nabi SAW sedang sakit Nabi SAW telah menolak perubatan menerusi kaedah *laddud* iaitu dengan memasukkan ubat disalah satu bahagian tepi mulut, kerana cara berkenaan adalah tidak sesuai dengan sakit yang sedang dihadapi oleh Nabi SAW pada ketika itu (Al-Qassim, 1964).

3. Sifat Kayu Gaharu India

Menurut Ibn Qayyim Al-Jauziyyah, kayu gaharu India atau disebut juga sebagai *Al-Qust* ianya terbahagi kepada dua bahagian iaitu kayu gaharu putih atau disebut juga sebagai kayu gaharu laut dan kedua adalah gaharu India. Kayu gaharu India mempunyai suhu yang lebih panas jika dibandingkan dengan kayu gaharu laut tetapi keduanya mempunyai sifat yang sama iaitu sama kering dan berada pada tahap ketiga kepanasan. Hal ini telah diakui oleh Ibn Sina yang menyatakan bahawa kayu gaharu akan mencapai tahap kepanasan pada tahap ketiga dan kemudian akan menurun ke tahap kedua untuk suhu yang kering.

Kayu gaharu India atau disebut dalam istilah saintifik sebagai *saussurea costus* telah banyak didapati di bahagian utara India terutamanya di kawasan Jammu dan Kashmir. Selain itu, ianya juga turut tumbuh di beberapa bahagian di kawasan Himalaya dan juga Pakistan (Mona, 2021). Berdasarkan dapatan ini menunjukkan dengan jelas bahawa *saussurea costus* hanya tumbuh di beberapa kawasan tertentu sahaja, sedangkan khasiatnya telah terbukti berdasarkan kepada zahir hadith yang telah dinyatakan. Justeru tidak dapat dinafikan, permintaan terhadap tumbuhan ini sangat tinggi dan berkemungkinan habitat tumbuhan ini akan mengalami kepupusan. Fakta ini turut diakui bahawa lebih 80% tumbuhan ini di Himalaya telah menunjukkan penurunan tanpa ada usaha untuk penanaman semula spesis *saussurea costus* (Rusni & Thuraya, 2021).

Spesis *Saussurea Costus* akan tumbuh pada 2,500 hingga 3,000 meter dari aras permukaan laut di India. Manakala bunganya adalah berbentuk bulat yang berwarna ungu dan dikeliling dengan bulu-bulu dan berbuah pada bulan Julai hingga September. Manakala tempoh matang buahnya pada bulan Ogos hingga September. Akarnya berwarna ungu kebiruan atau berwarna hitam dapat dikomersialkan menjadi ubatan berdasarkan hadith Nabi SAW (Nahed, 2009).

Copyright © 2025 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

Saussurea Costus

Akar *Saussurea Costus* yang telah dikering

Potongan kayu daripada akar pokok gaharu yang hidup di benua India khasnya di Kashmir dan sempadan India-Cina. Terdapat dalam dua warna iaitu putih dan hitam. Pedagang membawanya ke semenanjung Arab melalui jalan laut. Kayu daripada India mempunyai bau yang bagus dan sedikit pahit. Permukaannya seperti kayu diukir, boleh dikunyah, dibilas sebelum dimasak dan mempunyai aroma yang lembut.

4. Kelebihan Perubatan Melalui Kayu Gaharu India

Telah dinyatakan pada awal kajian bahawa kayu gaharu India berpontensi untuk merawat beberapa jenis penyakit. Pada tahun 1950 kajian pada akar kayu gaharu India mendapati terdapat bahan kimia di dalamnya yang berpontensi farmakologi (Kulsoom et al., 2014). Walau bagaimanapun, pengunaannya di dalam perubatan telah bermula lebih awal lagi dari kajian makmal yang dilakukan.

4.1 Perubatan Tradisional

Seiring dengan hadith yang telah disabdakan oleh Nabi SAW, pengunaan kayu gaharu India dalam perubatan telah bermula sejak zaman Baginda SAW. Telah diriwayatkan oleh Umm `Atiyyah, bahawa Nabi SAW memberi keringanan kepada para wanita selepas menyucikan diri dari haid untuk mengunakan kayu gaharu India bagi tujuan mewangikan diri mereka (Al-Bukhari, 2001). Saranan dari Nabi SAW adalah disebabkan sifat yang ada pada akar kayu gaharu India sekiranya ianya dibakar akan menghasilkan wangi yang menyamankan (Ibn Al-Munzir, 1994). Oleh yang demikian, kaedah ini telah digunakan sejak zaman awal Islam lagi.
Disebabkan kayu gaharu India merupakan ubatan tradisional yang tidak memberi kesan sampingan buruk maka pengunaannya turut digunakan secara meluas oleh beberapa masyarakat kuno. Justeru, perubatan yang berasaskan *Al-Qust* telah dipraktikan secara meluas dalam perubatan Ayurveda dan Siddha iaitu dalam kalangan masyarakat di India sering mengunakan untuk merawat masalah kulit seperti jangkitan, keradangan, dan luka kecil. Sifat antibakteria semula jadi yang terdapat dalam gaharu membantu mempercepatkan penyembuhan luka dan melindungi kulit daripada jangkitan sekunder. Ia juga digunakan dalam campuran herba untuk merawat masalah pernafasan seperti asma dan bronkitis, di mana sifat terapeutiknya membantu melegakan saluran pernafasan.

Selain itu juga, gaharu India turut dikaitkan dengan rawatan masalah kesuburan dan ketidakseimbangan hormon. Dalam perubatan tradisional, gaharu dianggap sebagai afrodisiak yang mampu meningkatkan tenaga dan merangsang kesihatan reproduktif, terutama bagi lelaki. Ia digunakan dalam bentuk minyak atau sebagai ramuan dalam campuran herba untuk meningkatkan libido dan menguatkan sistem pembiakan.

Copyright © 2025 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

Dalam perubatan tradisional Cina (TCM), gaharu dikenali sebagai "Chen Xiang" dan dianggap sebagai herba yang sangat berharga. Ia digunakan untuk mengharmonikan tenaga dalaman (*qi*), merawat masalah pencernaan, dan melegakan sakit perut serta kolik. Gaharu juga digunakan untuk merawat masalah pernafasan, seperti sesak nafas dan asma, kerana sifatnya yang membantu melancarkan aliran tenaga dalam badan (InfoKesihatan, 2010).

Di Jepun, gaharu digunakan dalam tradisi *Kōdō*, iaitu seni menghidu aroma kayu gaharu sebagai sebahagian daripada meditasi dan kesejahteraan rohani. Walaupun fokusnya lebih kepada aspek spiritual, ia juga digunakan dalam perubatan tradisional Jepun untuk menenangkan fikiran dan membantu rawatan tekanan. Minyak gaharu yang diekstrak sering digunakan dalam amalan tradisional untuk meningkatkan tenaga badan dan menstabilkan emosi, menjadikannya berguna untuk rawatan kemurungan atau kebimbangan (Ismail et al., 2018).

Dalam masyarakat Melayu di Nusantara, termasuk Malaysia dan Indonesia, kayu gaharu dikenali sebagai "agarwood" dan digunakan secara meluas dalam perubatan tradisional. Air rebusan gaharu dipercayai mampu merawat demam, membuang angin dalam badan, dan membantu melegakan masalah kesihatan dalaman seperti gastrik dan kembung perut. Gaharu juga digunakan sebagai tonik untuk memperkuat tubuh selepas bersalin serta untuk meningkatkan tenaga dan kecergasan secara keseluruhan.

4.2 Perubatan Moden

Kajian saintifik telah menemui beberapa kebaikan dan manfaat kayu gaharu India yang mampu merawat pelbagai penyakit khususnya penyakit iaitu jangkitan kerongkong dan *pleuritis*, antara kajiannya seperti yang telah dilakukan oleh Prof Dr. Rozi Mohamed yang menemukan bahawa kayu gaharu India berpontesi untuk menghapuskan pembiakan kulat (*A.Fumigatus*) dan enzim (C.Abicans) yang terdapat pada sistem pernafasan manusia iaitu dengan melakukan meditasai sambil menikmati keharumannya (Rozi Mohamed, 2013).

Selain itu, menuru Dr. Abd Razzak Al-Kailani, berpandangan kayu gaharu India mempunyai bahan penahan yang menghapuskan tisu yang bengkak dan sebab itu Nabi SAW menasihatinya untuk menggunakannya jika terdapat bengkak pada kerongkong, *epiglottis* dan *tonsil* selepas air gaharu disuling dan direndamkan hidung ke dalamnya. Pada akarnya terdapat bahan panas yang digunakan untuk diletakkan dalam minyak di sendi dan otot yang sakit dan *pleuritic* (*rhomatism*) yang berpunca daripada sejuk (Abd Razzak, 1996).

Manakala menurut pakar perubatan Dr. Kamal Mowil, menyatakan bahawa kayu gaharu India mengandungi bahan *helenin* dan asid *benzoate* yang menjadi bahan membersihkan bakteria. Maka faedah gaharu India ialah mengubati *tonsil*, *uvulitis* dan *pharyngorhinitis* yang disebut sebagai kebaikan pada hadith. Ia juga mengandungi bahan pembersih yang membunuh bakteria dan menjadi justifikasi kepada faedah gaharu dalam *pleuritis* (Ratib, 2004).

Dr. Amin Ruwaiḥah menyatakan bahawa kayu gaharu India mempunyai pati minyak dan bahan *anulin* dan *helenin* yang membersih dan mengubati kudis dengan minyak yang dihasilkan dari 20 gram serbuk gaharu bersama 10 gram minyak zaitun. Menurutnya, minyak tersebut disapu pada badan serta luka berkenaan dicuci dengan cairan serbuk gaharu. Bagi beberapa tujuan lain seperti melancarkan air kencing, memudahkan penghadaman dan menguatkan darah maka seseorang itu perlu minun secawan emulsi gaharu selepas mencampurkannya dalam secawan air yang besar ketika pagi (Amin, 2009).

Copyright © 2025 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

Dalam satu pembentangan yang bertajuk *al-'Ijaz* Sains dalam Al-Quran dan Al-Sunnah, Sina Khalifah telah membentangkan satu penyelidikan yang bertajuk "*Kajian Histologi dan Sintesis dan Perbandingan Terhadap Kesan Pokok Gaharu dan Dadah Ampoterisin B atas Tikus Jantan yang Dijangkiti Peparu Dengan Kulat"* beliau mendapati gaharu mempunyai manfaat menyembuhkan inflamasi paru-paru pada tikus.

5. Penutup

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini, ternyata kelebihan yang terdapat pada kayu gaharu India terbukti dari sudut kesihatan dapat merawat beberapa jenis penyakit. Walaupun pada hadith yang dibawakan pada bab di atas, Nabi SAW tidak menyatakan secara terperinci akan 7 jenis penyakit yang dapat dirawat berdasarkan kepada kayu gaharu India, tetapi beberapa kajian yang telah dilakukan terbukti kebenaran hadith Nabi SAW. Hadith tentang kelebihan gaharu India mengingatkan umat Islam tentang pentingnya memanfaatkan bahan semula jadi yang diciptakan oleh Allah SWT untuk menjaga kesihatan. Pengiktirafan Rasulullah SAW terhadap kayu gaharu India sebagai bahan penyembuh menunjukkan kebijaksanaan Islam dalam menganjurkan rawatan yang selari dengan fitrah manusia. Dengan perkembangan perubatan moden, manfaat gaharu India semakin terbukti melalui kajian saintifik, menjadikannya relevan bukan sahaja dalam rawatan tradisional tetapi juga dalam konteks penjagaan kesihatan masa kini. Ini menunjukkan bahawa sunnah Rasulullah SAW sentiasa relevan dan menjadi panduan penting dalam merawat tubuh dan jiwa. Gabungan antara warisan Islam dan teknologi perubatan moden membuka ruang untuk aplikasi gaharu yang lebih meluas, sekaligus menegaskan bahawa usaha menjaga kesihatan adalah sebahagian daripada ibadah dan tanggungjawab setiap Muslim.

Rujukan

Abd Al-Razzak al-Kilani (1996). *Al-Ḥaqaiq Al-Ṭibbiyah fi Al-Islam*, Cetakan Pertama, Damsyik. Dar Al-Qalam.

Abdul Halim, Muhammad Nur Serigar & Misna Hasibuan. (2021). *Pengobatan Menggunakan Kayu India (Gaharu) Dalam Perspektif Hadis dan Sains*. SAHIH- Jurnal Ilmu Kewahyuan. Vol 4. No 2.

Abu Al-Husain; Muslim (2001). *Sahih Muslim*.Tahqiq: `Isam al-Sababiti. Kaherah. Dar al-Hadith.

Ahmad b. Ali; Ibn Hajar (2004). *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Tahqiq: `Abd al-Aziz b. Abd Allah b. Baz et al. Cairo. Dar al-Hadith.

Amin Ruwaiḥah (2009). *Al-Tudawi bi al-'Aṣyab Taqrid `Ilmiyah Tasymil Al-Tobib Al-Hadith Al-Qadim.*

Al-Qassim ibn Sallam; Al-Baghdadi (1964). *Gharib Al-Hadith*. Tahqiq: Dr. Muhammad `Abd Al-Mua`id. Ma`ruf Al-`Uthamiyyah.

Abu Zakariya Mahy al-Din; Al-Nawawi (2001) *Sahih Muslim bi Syarah al-Nawawi*. Tahqiq: `Isam Al-Sababiti. Kaherah. Dar al-Hadith

Ismail Muhammad, Mohd Zain Jusoh, Ahmad Said Sajap(2018). *Gaharu Komiditi Ketiga Negara*, UPM, Selangor.

Kulsoom Zahara, Sahista Tabassum, Sidra Sabir, Muhammad Arshad, Rahmatullah Qureshi, Muhammad Shoaib Amjad & Subal Khalil Chaudhari. (2014). *A Review of Therapeutic Potential of Sausurea Lappa- An Endangered Plant of Himalaya*. Asian Pacific Journal of Tropical Medicine. Vol 7. Sup 1. (Sept 2014)

Muhammad ibn Abu Bakar; Ibn Qayyim Al-Jauziyyah. (2011). *Tibb Al-Nabawi*. Dar Al-Sallam. Riyadh.

Copyright © 2025 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

Mahmud Nazim; Al-Nasimy. (1996). *Al-Tibb Al-Nabawi wa Al-`Ilm Al-Hadith.* Muassasah Al-Risalah. Beirut.

Muhammad ibn Isma'il; Al-Bukhari (2009). *Sahih al-Bukhari*. Tahqiq: `Abd al-`Aziz `Abd Allah bin Baz. Beirut. Dar Ibn Kathir.

Muhammad ibn Makurram; Ibn Al-Munzir.(1994). *Lisan Al-Arab.* Cetakan Ketiga. Dar Al-Sadr. Beirut.

Muhammad Ratib; Al-Nabulasi (2004) *Mausu'ah al-'Ijaz al-'Ilmi Fi Al-Quran wa Al-Sunnah: Ayat Allah fi Afaq.* Cetakan Pertama; Dar Al-Maktabah. Damsyik.

Mona S. El Kutry. (2021). *The Potential Protective Roles Of S.Costus (Saussurea Costus) Root in Tyroiditis Induced by Amoidarone-Hydrochloride in Eperimentel Rates*. The Scientific Journal of Specific Education and Applied Sciences. Universiti Foyyoum. Vol 4. Iss. 8 (Okt 2021).

Nahed Moured Waly(2009). *Verifying the Scientific Name of Costus (Saussurea Lappa (Decna) C.B Clarke.) Asteraceae)*. Science Journal. King Abdul Aziz University. Vol 21. No 2.

Rusni binti Mohamad & Thuraya Ahmad (2021). *Tumbuh-Tumbuhan Ubatan Dalam Hadith Tersenarai Kini Sebagai Terancam: Kajian Intertekstual Klasik-Data Saintifik.* Journal Of Hadith. Universiti Sains Islam Malaysia. Vol. 6. No 1 (Jun 2021). ISSN: 2550-1448. 2021. 70-91.

Simposium Saintifik Antarabangsa mengenai Gaharu (ISSA) siri 1 di Universiti Putra Malaysia (UPM) dari 3 hingga 5 September 2013.

Wodoyanti, Prasetyorini & Ismanto. (2017). *Perbedaan Struktur Anatomi Tumbuhan Penghasil Gaharu Aquilara spp. Dan Gyrinops verstegii*. Ekologia. Universiti Pakuan. Vol 17. No 1. (April 2017).

www.eajaz.com (Seminar Antarabangsa ke-10 *al-'Ijāz* Sains dalam al-Quran dan al-Sunnah di Turki pada tahun 2011 M).

https://kesihatan.biz/kegunaan-kayu-gaharu?utm_source.

Copyright © 2025 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved